

**BEREK-BEREK CARIK DADA**  
Blue-tailed Bee-eater

FAMILI: Meropidae  
NAMA SAINTIFIK: *Merops philippinus*



#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa, terdapat kombinasi warna hijau dan gangsa dari atas kepala hingga bahagian belakang badan. Bahagian atas leher berwarna kuning pucat dan warna coklat pucat pada bahagian bawah leher dan bahagian atas dada. Selain itu, terdapat jalur halus berwarna biru di bawah jalur hitam yang lebar seakan topeng dan jalur biru halus di atasnya. Bahagian tongkeng dan bulu penutup atas ekor berwarna biru dan biru kehijauan pada bahagian atas ekor dan terdapat bulu yang memanjang pada bulu tengah ekor. Bagi burung juvenil, bahagian atas kepala dan belakang badan berwarna lebih gelap dan hijau kebiruan. Bahagian atas leher pula berwarna putih kekuningan manakala bahagian bawah leher dan dada berwarna coklat pucat yang pudar. Selain itu, ciri yang membezakan burung juvenil dengan dewasa ialah burung juvenil tidak mempunyai ekor tengah.

#### **SAIZ**

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 23.0 sm-24.0 sm.

#### **MAKANAN**

Serangga.

#### **HABITAT**

Burung ini mendiami kawasan terbuka, kawasan pertanian, pinggir pantai, kawasan berbukit, sempadan di sungai-sungai besar, kawasan hutan bakau, hingga ke ketinggian 1,525 m dari aras laut. Namun ia membiak di kawasan tanah pamah.

#### **BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi *rillip rillip rillip* yang kuat, bunyi *trrit trrit trrit* yang lebih pendek atau bunyi *tri-tri-trip* yang lebih cepat.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah antara bulan Februari hingga Mei setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 5-7 biji telur di dalam sarang yang dibina pada tebing atau tanah rata.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dilindungi.